

**Parti Baharu 'Ikatan' Dilancar
Bernama
7 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Penerangan Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir Khamis melancarkan Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan) yang menjadikan isu kebajikan bangsa Malaysia sebagai visi utamanya.

Abdul Kadir, selaku presiden parti baharu itu, berkata penubuhannya adalah untuk mengembalikan semangat bangsa Malaysia yang menurutnya dilihat sewaktu pemerintahan Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra.

"Ikatan akan menjadikan perjuangan dan amanat kemerdekaan Tunku sebagai paksi perjuangan kami dalam mengembalikan hak rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan parti itu di sini hari ini.

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata Ikatan mungkin tidak sempat menyertai pilihan raya umum akan datang kerana masih belum berdaftar secara sah dengan Pendaftar Pertubuhan.

"Ini kerana baru dua hari lepas kami menghantar borang permohonan ke pejabat Pendaftar Pertubuhan," katanya.

Beliau berkata parti itu menyasarkan keanggotaan antara 500,000 dan sejuta orang dalam masa setahun penubuhannya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671335>